



15 November 2013
15 November 2013
P.U. (B) 466

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD AFIRMATIF
PENYIASATAN DUTI ANTI-LAMBAKAN MENGENAI
IMPORT *ELECTROLYTIC TINPLATE* YANG BERASAL ATAU
DIEKSPORT DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA DAN
REPUBLIK KOREA

*NOTICE OF AFFIRMATIVE FINAL DETERMINATION OF
AN ANTI-DUMPING DUTY INVESTIGATION WITH RESPECT
TO IMPORTS OF ELECTROLYTIC TINPLATE ORIGINATING
OR EXPORTED FROM THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA
AND THE REPUBLIC OF KOREA*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD AFIRMATIF PENYIASATAN DUTI ANTI-LAMBAKAN
MENGENAI IMPORT *ELECTROLYTIC TINPLATE* YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT
DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA DAN REPUBLIK KOREA

(AD 01/13)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 25(4)(a) Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*] dan peraturan 15 Peraturan-Peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1994 [*P.U. (A) 233/1994*], Kerajaan telah membuat penentuan muktamad di bawah subseksyen 25(1) bahawa—

- (a) suatu margin lambakan wujud mengenai *electrolytic tinplate* yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) 7210.12.200 (“dagangan subjek”) yang berasal atau diekspor dari Republik Rakyat China dan Republik Korea; dan
- (b) kemudaratan didapati wujud kerana industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa telah mengalami kemudaratan material disebabkan oleh pengimportan dagangan subjek itu yang berasal atau diekspor dari Republik Rakyat China dan Republik Korea ke dalam Malaysia.

Sebab-sebab bagi penentuan

2. Sebab-sebab bagi penentuan muktamad afirmatif adalah seperti yang berikut:

- (a) harga eksport dagangan subjek yang berasal atau diekspor dari Republik Rakyat China dan Republik Korea ke dalam Malaysia adalah kurang daripada nilai normalnya;
- (b) industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa telah mengalami kemudaratan material yang boleh dengan semunasabahnya dikaitkan dengan pengimportan dagangan subjek itu yang berasal atau diekspor dari Republik Rakyat China dan Republik Korea ke dalam

Malaysia; dan

- (c) margin lambakan yang didapati wujud melalui kegiatan lambakan oleh pengeluar atau pengeksport dari Republik Rakyat China dan Republik Korea adalah seperti yang berikut:

Pengeluar/Pengeksport	Margin lambakan
(i) Republik Rakyat China	
Baoshan Iron & Steel Co., Ltd.	<i>de minimis</i>
Zhongshan Zhongyue Tinplate Industrial Co., Ltd.	<i>de minimis</i>
Shanghai Meishan Iron & Steel Co., Ltd.	<i>de minimis</i>
Handan Steel Group Hengshui Cold Rolling Steel Co., Ltd.,	9.78%
Lain-lain	9.78%
(ii) Republik Korea	
Dongbu Steel Co., Ltd.	9.78%
SHINHWA SILUP Co., Ltd.,	3.46%
TCC Steel	4.46%
Lain-lain	9.78%

Duti anti-lambakan

3. Duti anti-lambakan yang dikenakan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Sebab bagi duti anti-lambakan

4. Sebab bagi duti anti-lambakan di bawah perenggan 3 adalah untuk mencegah berlakunya kemudaratan kepada industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa.

Tempoh pengenaan duti anti-lambakan

5. Duti anti-lambakan yang dikenakan di bawah perenggan 3 hendaklah terpakai bagi tempoh 5 tahun dari 16 November 2013.